**22.2.2021_ Berita Harian_MOSTI_Khidmat Pengamal Perubatan Swasta Untuk Fasa Dua, Tiga**

*Bekalan pertama vaksin Pfizer-BioNTech tiba di Malaysia*



***Dr Adham (tengah) bersama Khairy Jamaluddin dan Ka Siong*** *pada sidang media selepas menyambut ketibaan kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech di KLIA, semalam.* (Foto Ihsan KKM)

# Khidmat pengamal perubatan swasta untuk fasa dua, tiga

## Langkah susulan pemberian vaksin di lebih banyak lokasi seluruh negara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Khidmat pengamal perubatan (GP) swasta sebagai vaksinator atau petugas menyuntik vaksin akan diperlukan pada fasa kedua dan ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, pihaknya sudah memulakan rundingan dengan 3,000 daripada keseluruhan kira-kira 9,000 GP untuk terbabit dalam program pemberian vaksin fasa kedua itu.

Katanya, vaksin hanya boleh disuntik pengamal perubatan bertauliah dalam kalangan doktor termasuk doktor gigi, jururawat dan penolong pegawai perubatan.

"Kita tidak terburu-buru untuk agihkan vaksin bagi memastikan matlamat imuniti kelompok tercapai. Ia perlu dilaksanakan secara berstruktur supaya semua diberi peluang menerima vaksin dalam fasa ditetapkan.

"Fasa pertama membabitkan hampir 500,000 petugas barisan hadapan antara Februari hingga April ini, fasa kedua untuk individu berisiko, iaitu yang komorbiditi (memiliki dua atau lebih penyakit) dan individu berusia 60 tahun ke atas.

"Fasa ketiga adalah untuk semua penduduk di Malaysia (berusia 18 tahun ke atas) dan kita perlu pihak swasta berperanan dengan menampilkan petugas dalam fasa kedua dan ketiga antara April hingga Februari tahun depan," katanya pada sidang media selepas menyambut ketibaan kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Dr Adham berkata, kerjasama pihak swasta diperlukan kerana fasa kedua dan ketiga babitkan pemberian vaksin di lebih banyak lokasi di seluruh negara.

"Fasa ketiga membabitkan lokasi untuk vaksinasi besar-besaran dengan orang ramai hadir ke satu lokasi dan ini memerlukan khidmat ramai vaksinator serta sukarelawan," katanya.

> *Pihak kami sudah mulakan rundingan dengan 3,000 daripada keseluruhan kira-kira 9,000 GP untuk terbabit dalam program pemberian vaksin fasa kedua itu.*
>
> ***Dr Adham Baba,*** *Menteri Kesihatan*

Sementara itu, Dr Adham berkata, Malaysia akan menghasilkan sendiri picagari jenis *low dead-volume* yang menjadi antara komponen penting dalam pemberian suntikan vaksin COVID-19.

Beliau berkata, perancangan itu bagi menyokong keperluan kira-kira 12 juta picagari dalam fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Katanya, picagari jenis *low dead-volume* perlu digunakan bagi mengelakkan pembaziran dos vaksin Pfizer-BioNTech.

"Bagi tujuan itu, Malaysia bekerjasama dengan syarikat farmaseutikal Pfizer yang akan membantu dari segi teknologi bagi memastikan penghasilan picagari itu selaras dengan kualiti picagari dihasilkan negara luar.

"Kita kena percepatkan penghasilan picagari ini. Ketika ini, kita mendapatkannya daripada syarikat yang menghasilkannya di luar negara.

"Dalam hal ini, kita perlu pastikan Malaysia juga menjadi negara yang boleh menghasilkan picagari ini.

"Pfizer akan bantu kita dalam teknologi ini supaya picagari kita hasilkan memiliki kualiti sama dengan dihasilkan di negara lain," katanya.

Sebelum ini, Dr Adham dilaporkan berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) memerlukan 12 juta picagari jenis *low dead-volume* bagi membuat suntikan terhadap 20 peratus atau enam juta penerima fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, yang bermula Rabu ini.